

24/08/1998

Singapura perlu berfikir lebih matang

Suparno

SAYA sebagai warga Indonesia yang bekerja di Malaysia sangat prihatin dan terharu atas kedegilan saudara kita, Singapura berhubung isu pemindahan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) milik Malaysia di Tanjong Pagar ke Woodlands.

Saya sangat kagum atas ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepaduan semua lapisan masyarakat.

Sepatutnya Singapura perlu berfikir lebih matang sebelum bertindak. Ia perlu adil dan jangan membuat masalah yang sensitif.

Malaysia, Indonesia dan Singapura adalah anggota Asean. Kita satu rumpun, sama kebudayaan, kedudukan geografi dan sebagainya. Maka kita harus saling memahami, tolong menolong, bertoleransi dan bekerjasama. Boleh dikatakan kita saudara sekandung.

Maka sepatutnya Singapura meminta maaf secara ikhlas demi keutuhan kita dan semangat Asean.

Baru-baru ini Indonesia di landa kemerosotan ekonomi yang mana Singapura dikatakan mahu membantunya. Ternyata, janji tinggal janji. Di mana semangat Asean?

Di mana rasa persaudaraannya? Untunglah negara sahabat lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, Australia dan Malaysia sangat bersimpati kepada Indonesia.

Presiden Indonesiaa, BJ Habibie menegur Singapura dengan mengatakan `Singapura bukan kawan semasa susah'.

Singapura perlu membetulkan dirinya.